



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.7/2023  
PADA 2 OGOS 2023 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Bulan ini merupakan bulan sambutan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang. Tema bagi Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 ialah "Tekad Perpaduan Penuhi Harapan". Tema ini mendasari tekad dan komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu padu serta kehidupan yang aman sejahtera. Tema ini juga disokong dengan konsep Malaysia Madani sebagai kunci utama bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan dan kemodenan yang berteraskan kemampuan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat menghormati dan ihsan.
  
4. Saya meminta semua pihak menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan warga bandar raya bagi meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme. Sikap ini akan menjadi faktor kejayaan dalam Majlis Bandaraya Seremban. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan perlu menanam serta menyuburkan dalam diri supaya sentiasa tekun dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kerana saban hari jangkaan dari pemegang taruh semakin meningkat.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Kita berasa bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat menjalani kehidupan dalam keadaan aman dan harmoni. Justeru itu, saya mengajak seluruh warga bandar raya Seremban untuk terus menyemarakkan keharmonian yang dikecapi selama ini demi Negara tercinta dan sekali gus memartabatkan agenda untuk membina negara.

### **MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023**

6. Pada 27 Julai 2023, Jabatan Penerangan Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2023 di Wisma Negeri. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan dan saya telah hadir bersama-sama dengan Tuan Setiausaha MBS bagi memberi sokongan padu sempena sambutan bulan kebangsaan pada tahun ini. Setiap tahun Jabatan Penerangan akan merangka pelbagai program dan aktiviti bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat melibatkan semua peringkat usia dan latar belakang.

7. Sehubungan dengan itu, sepanjang bulan kebangsaan, saya meminta semua Jabatan yang mempunyai premis untuk mengibarkan jalur gemilang dan saya juga meminta semua pelesen dan Jabatan Kerajaan di Seremban turut mengibarkan jalur gemilang sebagai tanda rasa cinta kita kepada negara dan bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dikalangan warga bandar raya. Saya berharap semangat ini sentiasa mekar dalam hati dan mudah-mudahan rasa cinta kepada negara tidak akan kunjung padam sampai bila-bila.

### **PROJEK PEMBANGUNAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2023**

8. Pada tahun 2023, sebanyak 107 projek di bawah projek pembangunan MBS akan dilaksanakan dengan kos projek sebanyak RM52,835,928.00. Ringkasan projek adalah seperti di paparan.

*Sumber : Jabatan Kejuruteraan*

### **PELAPORAN JABATAN**

9. Sehingga 31 Julai 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)

Prestasi = RM85.52Juta (59.52%)

- (b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM25.12Juta)  
Prestasi = RM13.08Juta (15.63%)
  
- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)  
Prestasi = RM92.59Juta (65.15%)
  
- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)  
Prestasi = RM139.90Juta (68.08%)
  
- (e) Belanja Mengurus (RM213.24Juta)  
Prestasi = RM114.16Juta (53.54%)
  
- (f) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)  
Prestasi = RM2.04Juta (12.99%)

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

10. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 30 Jun 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
  - i. *fogging* 42,955 premis ;
  - ii. ULV 46,018 premis ;
  - iii. *larvaciding* 35 lokaliti ;
  - iv. *source reduction* 42 lokaliti ;
  - v. gotong-royong ke atas 75 taman ;
  - vi. 208 sanitasi dan disinfeksi
  
11. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan telah merekodkan sebanyak 24 kematian akibat COVID-19 dan 202 kematian biasa sehingga 30 Jun 2023.
  
12. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 542 kematian akibat COVID-19 dan 374 kematian biasa telah direkodkan sehingga 22 Mei 2023. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah mencatatkan sebanyak 693 kematian biasa telah direkodkan sehingga 30 Jun 2023. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut sehingga 30 Jun 2023.

13. Pada 25 Jun 2023, Pusat Khidmat DUN Paroi telah mengadakan Majlis Perasmian Pusat Penjaja Taman Satria dan Taman Desa Melor, Senawang bertempat di Pusat Penjaja Taman Desa Melor, Senawang dengan bantuan Majlis Bandaraya Seremban. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memperkenalkan pusat penjaja tersebut kepada orang awam. YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd Ghani, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan merangkap Mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Paroi telah merasmikan majlis tersebut. Turut hadir KRT Taman Satria dan KRT Taman Desa Melor, Setiausaha MBS dan pegawai-pegawai MBS.

*Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran*

### **MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH**

14. Pada 27 Jun 2023, Jabatan Taman dan Landskap dengan kerjasama jabatan-jabatan telah mengadakan Majlis Pelancaran Pecah Tanah di Padang Lobak. Projek ini bermula dengan cadangan YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Seremban dari tahun 2019 untuk membangunkan kawasan tersebut menjadi sebuah Dataran Lobak. Pada 8 Mei 2023, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyerahkan peruntukan kepada Majlis Bandaraya Seremban bagi menaiktaraf Padang Lobak fasa 1 dan projek ini akan disiapkan dalam tempoh 12 minggu bermula 12 Jun 2023 sehingga 11 September 2023.

15. Majlis Pelancaran ini telah disempurnakan oleh saya dan dihadiri oleh Ahli Undangan Negeri DUN Lobak iaitu YB Tuan Chew Seh Yong. Projek ini bakal menjadi sebuah kawasan komuniti untuk semua golongan khususnya masyarakat setempat untuk beriadah. Projek ini juga merupakan salah satu usaha pihak KPKT dan MBS bagi menyediakan kemudahan beriadah yang selesa untuk masyarakat dalam menjayakan konsep Bandar Dalam Taman dan Matlamat Pembangunan Mampan.

*Sumber : Jabatan Taman & Landskap*

## **BENGGEL PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA BERKESAN**

16. Pada 12 sehingga 13 Jun 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Penyediaan dan Pembentangan Kertas Kerja Berkesan di Klana Resort, Seremban. Bengkel ini telah dihadiri oleh Ketua Jabatan dan Ketua Unit Majlis Bandaraya Seremban berobjektif untuk mengetahui dan mempelajari mengenai format penulisan kertas kerja, memperbaiki penulisan kertas kerja dari segi tatabahasa dan gaya bahasa serta meningkatkan mutu penyediaan dan penulisan kertas kerja yang berkesan dan berkualiti.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*



## **MAJLIS PENYERAHAN SURAT JAWATAN LANTIKAN KONTRAK KE TETAP MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

17. Pada 20 Jun 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Jawatan Lantikan Kontrak Ke Tetap bertempat di Billik Pejabat Datuk Bandar, Wisma MBS. Seramai 9 orang penerima terdiri daripada Pembantu Penguatkuasa KP19, Pembantu Kemahiran (Tukang Simen) H19, Pemandu Kenderaan H11, Pembantu Operasi N11 dan Pembantu Awam H11 telah menerima surat tawaran ini. Lantikan ini mengambil kira kualiti pegawai yang merangkui kepimpinan, personaliti, tata kelakuan dan peribadi sebagai penjawat awam supaya dapat meningkatkan motivasi pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban. Peningkatan kerjaya ini adalah penting untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban serta dapat memberi imej yang baik kepada warga bandar raya Seremban.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PERKHIDMATAN NAIK TARAF PORTAL MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE ARAH KERAJAAN**

18. Majlis Bandaraya Seremban telah menaik taraf portal rasmi Majlis Bandaraya Seremban menjadi Pusat Maklumat Digital sejajar dengan Pelan Strategik Pendigitalan MBS 2021-2025 yang bercirikan perkhidmatan kepada rakyat atau pelanggan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan digital Majlis yang cekap kepada warga bandar raya Seremban. Antara salah satu penambahbaikan portal yang telah dilaksanakan ialah mewujudkan halaman baharu bagi Ahli Majlis yang bertujuan halaman ini adalah untuk hebahan maklumat berkenaan Ahli Majlis dan kawasan blok perancangan atau zon di bawah tanggungjawab Ahli Majlis.
19. Majlis Bandaraya Seremban yakin dengan pewujudan halaman Ahli Majlis dalam portal MBS ini akan dapat membantu Ahli Majlis merancang kemajuan sesuatu kawasan untuk keselesaan dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

*Sumber : Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

## **KEMASKINI MAKLUMAT ATAU MENUKAR NAMA DI BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN**

20. Mulai Februari 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menyediakan perkhidmatan kemaskini maklumat pemilik dan menukar nama pada bil Cukai Taksiran ke dalam perkhidmatan atas talian (*online*) MBS. Perkhidmatan atas talian ini disediakan untuk meringankan urusan orang awam berurusan dengan MBS dan menggalakkan orang awam mengemaskini maklumat surat menyurat serta maklumat peribadi masing-masing.
21. Bagi mereka yang baharu membeli hartanah dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban, mereka boleh menukar nama di dalam bil Cukai Taksiran harta yang dibeli dengan membuat permohonan Pindah Milik Harta. Manakala bagi pemilik akaun Cukai Taksiran yang sedia ada, mereka boleh mengemaskini alamat surat menyurat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan emel secara atas talian.
22. Sehingga kini terdapat 112 transaksi yang telah menggunakan perkhidmatan dalam talian ini bagi tempoh 5 bulan. Justeru itu, semua pihak adalah dipohon untuk menyebarluas perkhidmatan baharu Majlis supaya lebih ramai warga bandar raya Seremban menggunakan perkhidmatan ini.

23. Warga bandar raya Seremban boleh mendaftar dan melayari laman sesawang di <https://click.mbs.gov.my> untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut dan lain-lain perkhidmatan yang telah disediakan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta MBS.

*Sumber : Jab. Penilaian & Pengurusan Harta*

### **PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

24. Pada 14 Julai 2023, Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi di antara MBS A menentang Taman Dusun Nyior. Pada kali ini Taman Dusun Nyior merupakan juara pada edisi lalu terpaksa akur dengan keputusan perlawanan yang berpihak kepada MBS A dengan keputusan penuh perlawanan Taman Dusun Nyior 0-3 MBS A. Tahniah diucapkan kepada pasukan MBS A. Keputusan penuh pertandingan bola sepak adalah seperti dipaparan.

*Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

## **PENJURIAN ASEAN CLEAN TOURIST CITY STANDARD AWARD (ACTC) 2023**

25. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kehadiran daripada pasukan penjurian *Asean Clean Tourist City Standard Award (ACTC)* pada 26 sehingga 27 Julai 2023. Buat pertama kalinya Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai penjurian yang diadakan di sekitar Daerah Seremban. Seramai 5 orang juri terdiri daripada pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya telah menjalankan penjurian berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut :-
- i. Environmental Management ;*
  - ii. Cleanliness ;*
  - iii. Waste Management ;*
  - iv. Awareness-Building About Environmental Protection & Cleanliness Indicators ;*
  - v. Green Space ;*
  - vi. Health Safety & Urban Safety and Security ;*
  - vii. Tourism Infrastructure & Facilities Indicators.*
26. Majlis Bandaraya Seremban ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam sesi penjurian yang telah diadakan selama 2 hari dan Majlis akan memperkemaskan lagi dokumen serta pembuktian sebagai penambahbaikan bagi kriteria yang diperlukan.

*Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

## PELAPORAN UNIT INTEGRITI

27. Menjelang beberapa minggu lagi, Pilihan Raya Negeri, Negeri Sembilan ke-15 akan berlangsung. Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa sebagai seorang penjawat awam, kita perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pegawai dalam Kumpulan Perkhidmatan Sokongan yang terlibat haruslah menjaga imej Majlis. Sehubungan dengan itu, pegawai yang terlibat dikehendaki terlebih dahulu mendapat kebenaran dan kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan dan tidak melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.
  
28. Manakala, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesebuah parti politik berdasarkan Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan Dan Tata tertib) 1998, Peraturan 21, di mana dia secara khususnya tidak boleh:-
  - a) membuat apa-apa pernyataan awam yang berat sebelah yang akan menjadi isu di antara parti-parti politik ;
  - b) menerbit atau mengedar buku, makalah atau risalah yang berat sebelah yang berkaitan dengan mana-mana parti politik ;
  - c) terlibat dalam merayu undi sebagai sokongan untuk mana-mana calon dalam mana-mana parti politik ;

- d) menjadi seorang ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi bagi mana-mana calon bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri ;
- e) bertanding apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik ; dan
- f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

Bukan sahaja sebagai seorang penjawat awam, bahkan sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, semua warga kerja MBS hendaklah menjalankan kewajipan dengan keluar mengundi kerana ini akan mencorak masa hadapan negeri dan negara kita.

*Sumber : Unit Integriti*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

29. Penjawat awam merupakan tonggak negara. Sehubungan dengan itu, saya menyeru warga kerja Majlis Bandaraya Seremban untuk memberikan sepenuhnya kerjasama untuk memastikan bandar raya pintar atau dikenali sebagai “*Smart City*” terbaik di antara PBT di Malaysia akan dapat direalisasikan suatu hari nanti. Saya meminta agar warga kerja MBS sentiasa ada penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja dan penghasilannya supaya ianya benar-benar memberi manfaat kepada warga bandar raya Seremban.

30. Akhir kata, saya menyeru warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya sentiasa melaksanakan amanah dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan demi kesejahteraan serta kemakmuran negara tercinta. Saya yakin dan percaya dengan usaha serta kerjasama yang padu daripada pelbagai pihak usaha kita untuk merealisasikan hala tuju bandar raya iaitu Menjadikan Seremban sebuah bandaraya pintar yang mampan, bersih dan berdaya maju dengan menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera” akan tercapai suatu hari nanti.
31. Sebelum saya mengakhiri ucapan pagi ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang ke-66 “Tekad Perpaduan Penuhi Harapan”. Semoga kemerdekaan ini akan membawa perpaduan, kebebasan, kedamaian dan kesejateraan kepada rakyat negara ini serta mencipta lebih banyak kejayaan dan mengecapi masa depan yang lebih cemerlang serta gemilang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
2 OGOS 2023